



7 Mei 2021
7 May 2021
P.U. (A) 224

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN
PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM
KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN)
(KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT) (NO. 4)
(PINDAAN) (NO. 17) 2021

*PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES
(MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS)
(CONDITIONAL MOVEMENT CONTROL) (NO. 4)
(AMENDMENT) (NO. 17) REGULATIONS 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN)
(KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT) (NO. 4) (PINDAAN) (NO. 17) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Kawalan Pergerakan Bersyarat) (No. 4) (Pindaan) (No. 17) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 10 Mei 2021 hingga 16 Mei 2021.

Peraturan baharu 8A

2. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Kawalan Pergerakan Bersyarat) (No. 4) 2021 [*P.U. (A) 97/2021*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 8 peraturan yang berikut:

“Kawalan pergerakan tambahan dalam Negeri Sabah

8A. (1) Bagi tempoh mulai 10 Mei 2021 hingga 16 Mei 2021, tiada seorang pun boleh bergerak dari satu daerah ke daerah yang lain dalam Negeri Sabah kecuali bagi maksud di bawah peraturan 4 dan 7.

(2) Bagi maksud peraturan ini, Daerah Kota Kinabalu, Putatan dan Penampang hendaklah dikira sebagai satu daerah.”.

Peraturan baharu 10A

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 10 peraturan yang berikut:

“Pergerakan kerana sebab khas atau tertentu dalam Negeri Sabah

10A. (1) Bagi tempoh mulai 10 Mei 2021 hingga 16 Mei 2021, jika, kerana sebab khas atau tertentu, seseorang perlu bergerak dari satu daerah ke daerah yang lain dalam Negeri Sabah, orang itu hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pegawai polis yang menjaga balai polis yang paling hampir dengan kediaman orang itu.

(2) Bagi maksud peraturan ini, Daerah Kota Kinabalu, Putatan dan Penampang hendaklah dikira sebagai satu daerah.”.

Dibuat 7 Mei 2021

[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/Jld. 6]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES ACT 1988

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES
(MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS) (CONDITIONAL MOVEMENT
CONTROL) (NO. 4) (AMENDMENT) (NO. 17) REGULATIONS 2021

IN exercise of the powers conferred by subsection 11(2) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [Act 342], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (Conditional Movement Control) (No. 4) (Amendment) (No. 17) Regulations 2021**.

(2) These Regulations have effect for the period from 10 May 2021 to 16 May 2021.

New regulation 8A

2. The Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (Conditional Movement Control) (No. 4) Regulations 2021 [P.U. (A) 97/2021], which are referred as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by inserting after regulation 8 the following regulation:

“Additional control of movement within State of Sabah

8A. (1) For the period from 10 May 2021 to 16 May 2021, no person shall move from one district to another district within the State of Sabah except for the purposes under regulations 4 and 7.

(2) For the purposes of this regulation, Kota Kinabalu, Putatan and Penampang Districts shall be reckoned as one district.”.

New regulation 10A

3. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 10 the following regulation:

“Movement due to special or particular reason within State of Sabah

10A. (1) For the period from 10 May 2021 to 16 May 2021, where, due to a special or particular reason, a person needs to move from one district to another district within the State of Sabah, that person shall obtain prior written permission of the police officer in charge of the police station nearest to the residence of such person.

(2) For the purposes of this regulation, Kota Kinabalu, Putatan and Penampang Districts shall be reckoned as one district.”.

Made 7 May 2021

[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/Jld. 6]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
Minister of Health